

## **KENYATAAN MEDIA**

### **RAWATAN AIR TASIK ELAK BAU BUSUK**

Tasik Taman Jaya merupakan tasik tadahan atau retention pond berkeluasan keseluruhan hamper 18 ekar (tasik 7 ekar) yang menerima kemasukan daripada kawasan perumahan, kawasan komersil serta air larian permukaan (surface runoff) daripada kawasan sekitar. Begitu juga dengan Tasik Taman Bandaran yang terletak di Kelana Jaya. Tasik ini turut menerima kemasukan aliran dari kawasan sekitar yang sudah pasti turut mengalirkan bahan pencemar. Oleh kerana sering menerima kemasukan bahan pencemar, kualiti air tasik ini adalah rendah dan menghasilkan bau yang kurang menyenangkan. Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya sering menerima aduan daripada pengunjung yang sering beriadah di tasik ini. Oleh dasar itu, pihak Majlis mengambil inisiatif untuk menjalankan rawatan bagi meningkatkan kualiti air disamping mengurangkan aduan bau yang terhasil.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Sistem Rawatan Tasik MBPJ bagi membincangkan kaedah terbaik dalam memelihara tasik-tasik di bawah pentadbiran Majlis dimana beberapa Jabatan Teknikal Majlis telah menganggotai jawatankuasa ini.

Bengkel Rawatan Yang Efisien Bagi Tasik-tasik di Petaling Jaya juga telah diadakan. Di dalam bengkel ini, pakar-pakar akademik, consultant alam sekitar dan juga agensi luar yang berkaitan telah dijemput bagi berkongsi idea dan pandangan dalam pemeliharaan tasik-tasik bandaran (urban lake) ini.

Satu Pelan Strategik Pemuliharaan Tasik di Petaling Jaya juga telah disediakan. Di dalam pelan strategik ini, beberapa langkah telah di atur bagi membantu pihak Majlis merangka satu pelan tindakan dalam usaha memelihara tasik-tasik ini. Antara langkah yang telah dan sedang di ambil ialah mengenalpasti dan menjalankan kawalan pada punca bahan pencemar dimana penguatkuasaan yang ketat serta tindakan tegas di ambil terhadap premis-premis yang didapati menyumbang kepada kemasukan bahan pencemar yang mengalir terus ke dalam tasik. Aktiviti pemantauan ke atas restoran, bengkel kenderaan dan premis-premis lain sentiasa dijalankan oleh pihak Majlis.

Di samping itu, pemasangan aerator bagi membantu proses pengudaraan akan sentiasa dikawal selia dan dipantau supaya dapat berfungsi dengan baik serta menjalankan kaedah rawatan secara biologiikal.

Pihak Majlis juga telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja rawatan secara biologiikal dalam usaha meningkatkan kualiti air tasik Taman Jaya dan juga Taman Bandaran. Rawatan secara biologiikal ini dipilih adalah kerana pendekatan yang mesra alam dan berteknologi hijau. Di samping itu, kos penyelenggaraan rawatan secara biologiikal ini adalah kurang dan tiada bahan kimia yang digunakan. Melalui sistem rawatan ini juga, ia berupaya mengurangkan bau yang kurang menyenangkan serta dapat meningkatkan tahap kejernihan air seterusnya meningkatkan kualiti air.

Melalui kaedah rawatan secara biologiikal ini juga, ia dapat merencatkan pertumbuhan bakteria patogen/bakteria tidak berfaedah dan sekaligus dapat menyeimbangkan ekosistem tasik seterusnya dapat meningkatkan biodiversity mikrobiologi persekitaran.

Majlis berharap agar semua pihak termasuk NGO, agensi luar, pemilik premis seperti bengkel dan restoran dan penduduk memainkan peranan untuk sama-sama memelihara kebersihan tasik dengan tidak mengalirkan bahan pencemar ke longkang awam yang mengalir terus ke dalam tasik.

Semangat sayangkan tasik-tasik ini perlu ada di dalam diri setiap penduduk kerana ia merupakan asset Negara yang tidak ternilai dan ianya adalah milik semua.

Selain itu, tasik-tasik ini juga merupakan kawasan tempat riadah bagi penduduk-penduduk Petaling Jaya dan juga menjadi tumpuan penduduk luar. Justeru itu, semua pihak haruslah memainkan tanggungjawab untuk memelihara imej Petaling Jaya yang mana ia merupakan tanggungjawab bersama.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)  
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)